

Keberkesanan Praktikum Latihan Amali/Industri Fakulti Pengajian Islam di Kalangan Para Pelajar

Kod Projek: UKM-PTS-074-2010

^{1,7}Badlihisam Mohd Nasir (Ketua Projek), ³Ahmad Munawar Ismail,
¹Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, ⁴Amir Fazlim Jusoh @ Yusoff, ⁴Anwar Fakhri Omar,
^{2,7}Ezad Azraai Jamsari, ³Jaffary Awang, ⁵Khazri Osman, ²Md. Nor Abdullah,
⁶Mohd. Akil Muhamed Ali, ¹Razaleigh Muhamat @ Kawangit, ⁶Sabri Mohamad & ⁵Zamri Ahmad

¹Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam

²Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam

³Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam

⁴Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, ⁵Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam

⁶Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam

⁷Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

PENGENALAN

Latihan Amali/Industri di Fakulti Pengajian Islam UKM merupakan kursus wajib yang perlu diikuti oleh setiap pelajar. Ianya merupakan pendedahan yang penting ke arah mewujudkan graduan pengajian Islam berkualiti melalui adunan pengetahuan dan kemahiran. Amali Industri merupakan satu medium yang telah dilaksanakan oleh pihak universiti untuk menjinakkan mahasiswa dengan keadaan sekitar tentang alam pekerjaan yang bakal ditempuh oleh para graduan yang akan menerajui negara pada suatu masa nanti. Selain itu, Latihan Amali/Industri merupakan satu inisiatif terhadap fakulti kepada mahasiswa untuk menempuh alam pekerjaan. Di samping itu, Latihan Amali/Industri memupuk semangat kerjasama antara pelajar dengan kakitangan sesebuah agensi.

Latihan Amali/Industri juga memberi kepentingan kepada para pelajar tentang pengurusan organisasi dan ia merupakan satu medium permulaan sebelum menempuh alam pekerjaan. Ini menunjukkan hubungan antara “teori dan praktikal” berupaya mendedahkan pelajar terhadap aspek pembangunan kemahiran diri secara interpersonal mahupun intrapersonal. Di atas inisiatif ini, kursus latihan amali/industri telah diperkenalkan dan dilaksanakan di Fakulti Pengajian Islam. Secara khusus Latihan Amali/Industri ialah bertujuan untuk melahirkan graduan: (a) Berkebolehan mengaplikasikan ilmu asas dan ilmu khusus yang dipelajari sesuai dengan suasana pekerjaan; (b) Berkebolehan melaksanakan dan menyelesaikan tugas dengan cepat; (c) Berkebolehan bekerjasama dalam kumpulan dan berkeimpinan; (d) Berkebolehan dalam pentadbiran dan pengurusan serta mempunyai keinginan untuk belajar secara berterusan; (e) Berkebolehan berkomunikasi secara efektif; (f) Memiliki etika dan sikap bertanggungjawab.

Memandangkan hasrat berkenaan di atas adalah perlu perlu suatu kajian dilakukan bagi menilai sejauh manakah aspirasi berkenaan dapat dicapai dengan jayanya. Namun setakat

ini belum ada lagi kajian mengenai Latihan Amali/Industri sama ada berkaitan dengan keberkesanan, pemantauan, persepsi dan maklum balas pihak agensi terhadap pelajar Fakulti Pengajian Islam, dan pra-pendedahan serta persediaan pelajar FPI sebelum mengikuti Latihan Amali/Industri. Tahap awal kajian lepas hanyalah lebih tertumpu kepada penilaian umum pelajar yang akan mengikuti latihan amali/industri terhadap kursus pra penempatan LAI yang dianjurkan oleh pihak Fakulti. Pada dasarnya kursus pra penempatan ini, akan membekalkan maklumat berkaitan dengan proses dan bentuk latihan amali/industri yang bakal diikuti sebagai persediaan. Oleh itu, kajian baru ini berusaha memahami konsep latihan ini dan pelaksanaannya, ia memberikan fokus istimewa dalam melihat sejauh manakah keberkesannya terhadap pelajar yang mengikutinya.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Memahami konsep Latihan Amali/Industri di Fakulti Pengajian Islam.
2. Mengkaji pelaksanaan dan aktiviti Latihan Amali Industri
3. Menganalisis keberkesanan Latihan Amali/Industri

METODE KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan yang melibatkan pengedaran soal selidik, temubual, serta kaedah menganalisis data dengan menggunakan sistem SPSS. Responden yang dipilih terdiri daripada 110 orang mahasiswa Fakulti Pengajian Islam yang merangkumi pelbagai aspek latarbelakang antaranya ialah jantina, jabatan pengajian, negeri asal dan agensi LAI yang dipilih. Seterusnya, bahagian dua soal selidik dikemukakan bagi mendapatkan persepsi mahasiswa terhadap pelaksanaan dan keberkesanan Latihan Amali/Industri.

PENCAPAIAN PROJEK (*OUTPUT*)

Penerbitan (Jurnal)

1. Badlihisam Mohd Nasir, Zamri Ahmad, Khazri Osman, Ezad Azraai Jamsari, Razaliegh Kawangit, Anwar Fakhri Omar, Sabri Mohammed, Mohd Akil Muhammad, Jaffary Awang, Ahmad Munawar Ismail, Amir Fazlim Jusoh, Md. Nor Abdullah dan Ahmad Redzuwan Yunus. 2011. Industrial Training: A Survey on its effectiveness among undergraduates from the Faculty of the Islamic Studies *Procedia Social and Behavioral Science*. (Indeks Scopus: dalam proses penyediaan dan penerbitan)

Persidangan/Bengkel

1. Badlihisam Mohd Nasir, Zamri Ahmad, Khazri Osman, Ezad Azraai Jamsari, Razaliegh Kawangit, Anwar Fakhri Omar, Sabri Mohammed, Mohd Akil Muhammad, Jaffary Awang, Ahmad Munawar Ismail, Amir Fazlim Jusoh, Md. Nor Abdullah dan Ahmad Redzuwan Yunus. Latihan Amali/Industri (LAI): Kajian Pelaksanaan dan Keberkesanan Terhadap Mahasiswa Fakulti Pengajian Islam. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011.

2. Bengkel Penyediaan Soal selidik UKM-PTS-074-2010. 7 Februari 2011. Bilik Mesyuarat Jabatan Syariah FPI UKM.

Modal Insan (Sarjanamuda)

1. Noor Hiluani binti Syafie. 2011. Latihan Amali Industri: Kajian Pelaksanaan dan Keberkesanannya dalam Kalangan Pelajar FPI. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. (siap)

PERBELANJAAN

Baki Peruntukan : Jumlah Peruntukan Diterima - (Jumlah Perbelanjaan + Jumlah
Komitmen)
: **RM 5,500.00 - RM 3,273.50**
: **RM 2,226.50**

Peratus Guna Berbanding Peruntukan Diterima : $\frac{\text{(Jumlah Perbelanjaan + Jumlah Komitmen)}}{\text{Jumlah Peruntukan Diterima}} \times 100$

: $\frac{\text{RM 3,273.50}}{\text{RM 5,500.00}} \times 100$
: **59.52 %**

KESIMPULAN

Latihan Amali/Industri di Fakulti Pengajian Islam adalah merupakan suatu program yang terbukti dapat mempraktikkan teori pembelajaran ke medan dan lapangan yang sesuai dengan bidang pilihan pelajar. Aktiviti Latihan Amali Industri dilaksanakan dengan baik oleh pihak pengurusan Fakulti dan mendapat kerjasama sepenuhnya oleh pelajar dan agensi yang terlibat. Namun demikian terdapat beberapa kelemahan seperti sumber kewangan bagi pelajar dan tempoh masa agak singkat yang memerlukan penambahbaikan dari masa ke semasa khususnya bagi meningkatkan lagi kejayaan pembelajaran dan pembelajaran di UKM. Kajian berkaitan isu ini memerlukan tambahan masa bagi menyiapkan laporan akhir dan penulisan bagi penerbitan jurnal dan sebagainya.